

02 MAY 2001

AGONG PULANG DARI LAWATAN KE CHINA DAN KOREA SELATAN

SEPANG, 2 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah tiba hari ini daripada lawatan rasmi selama sembilan hari ke China dan Korea Selatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berada di Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) untuk menyambut kepulangan pasangan diraja itu.

Yang turut hadir ialah beberapa menteri kabinet dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim turut serta dalam rombongan diraja itu sebagai menteri pengiring.

Sultan Salahuddin merupakan Yang di-Pertuan Agong ketiga melawat China selepas Sultan Azlan Shah pada 1990 dan Tuanku Jaafar 1997.

-- BERNAMA

SR DC AHH RON